

Adat Perpatih dan Islam*

DURRISHAH BT. IDRUS**

SISTEM sosial dan politik Adat Perpatih adalah teratur dan menyeluruh. Ini terbukti di dalam susunan suku yang ditadbirkan mengikut stratifikasi sosial yang jelas. Unit yang terendah ialah perut yang diketuai oleh Buapak (ibubapa), kemudian unit suku yang diketuai oleh Dato' Lembaga, kemudian unit Luak, di bawah pimpinan Dato' Penghulu Luak iaitu Undang dan unit terakhir adalah unit meliputi keseluruhan unit-unit tersebut iaitu negeri (Negeri Sembilan) di bawah pimpinan Yang di Pertuan Besar (Yamtuan).¹ Adat Perpatih yang wujud di Negeri Sembilan sebenarnya bukanlah membayangkan Adat Perpatih yang wujud di negeri asalnya, Minangkabau. Struktur pentadbiran yang telah dijelaskan, tidak wujud di dalam sistem Adat Perpatih yang asal. Sebagai contoh, sistem Undang tidak terdapat di sana.² Adat Perpatih yang wujud di Negeri Sembilan sebenarnya telah begitu banyak dipersesuaikan dengan kehidupan masyarakat tempatan dan mungkin atas dasar ini ia masih wujud ke hari ini.

Adat Perpatih tidak bertulis; segala hukum-hukum yang terdapat di dalam sistem ini diperturunkan dari satu keturunan ke satu keturunan dengan menggunakan daya ingatan semata-mata. Ia adalah di dalam bentuk kata-kata adat; pepatah dan petiti, sajak-sajak tradisi dan perbilangan adat.³ Namun begitu konsep amnya meliputi seluruh bidang undang-undang; iaitu peraturan perantikan ketua-ketua adat, peraturan perkahwinan dan perceraian, kedudukan suami dalam suku isterinya, susunan masyarakat hukum adat, peraturan pembahagian harta benda, peraturan perwarisan,

* Tumpuan penyelidikan ialah di daerah Jelebu.

** Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia.

1 Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 113.

2 Abdul Samad bin Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Utusan Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 50—225.

3 C.W.C. Parr and W.H. McKray, "Rembau. One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs", *Journal of the Royal Asiatic Society, Stratis Branch*, No. 56, 1910; M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya*, Oxford University Press, London, 1972: 34—50; Dr. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur 1976, yang menyenaraikan dan membincangkan dengan panjang lebar tentang kata-kata perbilangan adat.

soal-soal tanah dan beberapa undang-undang lain yang kurang penting.⁴

Kedatangan agama Islam ke dalam masyarakat Melayu Minangkabau yang telah sedia mempunyai sistem hidup Adat Perpatih menuntut beberapa perubahan di dalam sistem adat itu sendiri. Perubahan yang jelas mengikut hukum Syarak ialah yang berkenaan dengan nikah dan cerai ('talak'). Sementara di dalam kebanyakan soal yang lain telah dilakukan juga beberapa pengubahsuaian untuk memudahkan pelaksanaan sistem tersebut. Kepada masyarakat tradisi Adat Perpatih, tidak timbul soal pertentangan antara agama dan adat kerana pertentangan dianggap membawa kepada kerosakan.⁵ Oleh kerana adat wujud lebih lama sebelum Islam diterima di dalam masyarakat Minangkabau, agama Islamlah yang disesuaikan dengan adat. Malah Islam dianggap 'melengkap adat' kerana adat khusus tentang peraturan-peraturan hidup di dunia sahaja. Pendapat ini disokong oleh Haji Mohd. Din bin Ali.⁶

Although the Adat had provided a logical and natural social order, culled as it was from the facts of life and from the law of nature, it was still very much a system of secular and mundane life without the promise of a religious or spiritual existence. While Adat provided orderly rules and traditions for the ordinary work-a-day world, Islam preached the concept of the unity of beast and being, heaven and earth, life and death, under one supreme deity.

Oleh itu adat dan Islam adalah saling lengkap melengkapi sehingga masyarakat adat menganggap hubungan keduanya begitu jitu:⁷

Adat dipakai, syarak diturut
Syarak mengata, adat memakai.

Kepada mereka, yang penting adalah intisari yang terdapat di sebalik setiap perlakuan dan tidak tanduk setiap individu. Kedua-dua pengaruh adat dan Islam sama-sama mementingkan kebajikan, kesempurnaan budi pekerti di dalam hidup bermasyarakat, nilai muafakat, nilai moral dan hormat menghormati. Jika Islam menolak kejahatan dan menghargai kebaikan, adat menuntut perkara yang serupa, sebagaimana jelas di dalam perbilangan adat:⁸

Pada adat,
menghilangkan yang buruk,
menimbulkan yang baik,
Kota Syarak,
menyuruh berbuat baik,
menegahkan berbuat jahat.

4 Lihat Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1975 dan Dr. Nordin Selat (op.cit.) untuk melibat sistem hukum adat perpatih dengan lebih lanjut.

5 Dr. Nordin Selat, ibid., hlm. 26.

6 Haji Mohd. Din bin Ali, "Two Forces in Malay Society", dalam *Intisari*, Malaysia Sociological Research Institute, Singapore, Vol. 1, No. 3, 1965, hlm. 22.

7 Dr. Nordin Selat, op.cit., hlm. 27.

8 Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat*, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 90.

Oleh itu masyarakat tradisi merasa malu jika meninggalkan salah satu dari pengaruh ini, ataupun melanggar peraturan-peraturan yang telah sebat dengan masyarakat. Namun begitu yang sangat menarik di sini ialah terdapat juga perbezaan nilai pandangan terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku di dalam masyarakat itu. Sebagai contoh seseorang yang berkahwin sesuku dipandang lebih rendah atau hina daripada seseorang yang tidak melakukan sembahyang. Perkahwinan sesuku adalah satu *taboo*⁹ yang mesti dielakkan sementara tidak sembahyang adalah satu kebiasaan yang mempunyai potensi akan berubah. Oleh itu masyarakat akan memandang hina kepada pasangan yang melakukan endogami¹⁰ daripada individu yang meninggalkan sembahyang.¹¹ Boleh dirumuskan bahawa di dalam beberapa perkara, adat diletakkan lebih tinggi dari agama terutama jika dinilai dari segi amalan. Walaupun bagi masyarakat tradisi Adat Perpatih tidak mengakui wujudnya pertentangan nilai adat dan Islam walaupun masyarakat luar, termasuk orang Melayu, mengancam beberapa perkara yang pernah berlaku di dalam masyarakat Adat Perpatih.¹² Tanah wakaf, harta yang diberikan untuk kegunaan keagamaan pernah didakwa sebagai harta suku. Malah jawatan di masjid seperti imam, khatib bilal dianggap pesaka atau hak sesuatu suku yang tinggal di sekitar masjid tersebut.¹³ Bagi masyarakat adat jika wujud percanggahan maka akan berlakulah kerosakan di dalam hubungan ini.¹⁴

Adat ke hukum mati hukum
Hukum ke adat mati adat

Walaupun bagaimanapun pada hari ini ramai orang Melayu Negeri Sembilan sendiri yang mempertikaikan tentang beberapa aspek Adat Perpatih. Memang benar Adat Perpatih mempunyai alasan yang semuanya logik dan begitu baik terhadap setiap amalannya, tetapi Islam telah menggariskan undang-undangnya sendiri menurut Al-Quran dan sunnah. Sebagai penganut, Islam menuntut semua undang-undang yang terkandung di dalam ajarannya dipatuhi. Sebahagian besar masyarakat Melayu hari ini pula sering merujuk kepada agama Islam tentang beberapa perkara yang mengelirukan. Dengan sendirinya ini menolak pendapat yang mengatakan tidak wujud konflik antara adat dan Islam.¹⁵ Josselin de Jong di dalam membincangkan hubungan antara adat dan Islam telah menggariskan perbezaan-perbezaan struktural yang terdapat di antara Islam dan adat. Malahan dengan berani beliau merumuskan bahawa hubungan timbal balik antara Islam dan adat itu sebenarnya adalah *'the conflict between two systems of practices and ideals'*.¹⁶ Menurut nya konflik terbesar adalah dalam soal harta dan

9 'Taboo' adalah perlakuan yang sangat terlarang di dalam satu-satu masyarakat, yang jika dilakukan akan dikenakan *sanction*. (hukuman oleh masyarakat, contohnya pemulauan).

10 Endogami adalah lawan eksogami, bermakna kahwin sesuku.

11 Temuramah, Haji Othman bin Haji Mat Adin.

12 M.G. Swift, *Malay Peasant Society in Jelebu*, The Athlone Press, London, 1965: hlm. 9.

13 Ibid.

14 Dr. Nordin Selat, *op.cit.*, hlm. 26.

15 Lihat Dr. Nordin Selat (ibid., hlm. 26) dan hasil beberapa temuramah dengan beberapa penduduk tempatan menunjukkan ada yang berpendapat demikian.

16 Josselin de Jong, "Islam Versus Adat ini Negeri Sembilan (Malaya)". *Bijdragen Tot de Taal — Land — en Volkenkunde*, No. 113, 1960, hlm. 199.

pewarisan. Sementara beberapa pendapat lain memasukkan juga soal perkahwinan sebagai salah satu lagi konflik terbesar antara nilai adat dan hukum Islam.¹⁷ Aspek-aspek yang disebutkan ini memerlukan kajian yang mendalam.

Persoalan yang timbul soal harta adalah kerana Adat Perpatih membahagikan harta kepada empat jenis, sementara Islam tidak mewujudkan perbezaan atau pembahagian tersebut. Empat jenis harta di dalam adat boleh diklasifikasikan dalam dua kumpulan sahaja iaitu harta pusaka dan harta laki-bini. Harta pusaka dikenali sebagai harta pusaka benar sementara harta laki bini sebagai harta pembawa, harta dapatan dan harta carian.¹⁸ Harta pusaka benar menjadi warisan turun temurun kaum wanita di dalam sesebuah keluarga atau suku, yang diturunkan dari ibu kepada anak-anak perempuannya sahaja. Jika wanita tersebut tidak mempunyai anak perempuan harta pusaka ini akan diwarisi oleh keluarga perempuan itu yang terhampir sekali. Harta pusaka di dalam Adat Perpatih adalah pada dasarnya kepunyaan sesuatu tertentu dan oleh kerana sistem adat ini sendiri berbentuk *matrilineal* maka harta itu diwarisi oleh kaum perempuan. Kaum perempuan dipandang sebagai kaum yang lemah, oleh itu diberikan atas ekonomi yang kukuh. Mereka juga adalah 'saka', iaitu golongan yang tinggal menetap di kampung juga akhirnya, walaupun pernah merantau mengikut suaminya.¹⁹ Tanpa harta pesaka seseorang perempuan itu tidak ada tempat di dalam Adat Perpatih dan dianggap 'anak dagang'. E.N. Taylor menggariskan prinsip harta pusaka seperti berikut:²⁰

- a. Semua harta yang diberi hak kepada suku tidaklah diberi kuasa kepada individu.
- b. harta yang diperolehi dan diwarisi sekali akan menjadi pusaka.
- c. semua harta pusaka adalah diberi kuasa kepada ahli-ahli keluarga perempuan di dalam suku.
- d. semua harta pusaka mestilah diberi hak mewarisi kepada keluarga yang menjadi tulang belakang.

Sekali imbas keadaan di atas menampakkan kedudukan wanita yang lebih istimewa dari kedudukan lelaki. Namun begitu kepada masyarakat adat, seseorang perempuan yang mewarisi harta pusaka mesti memastikan kaum lelaki dari keluarganya terpelihara dari kemiskinan dan kemelaratan. Oleh itu terdapat saudara-saudara lelaki yang bujang tinggal bersama perempuan yang telah berkahwin.²¹ Adik atau abangnya itu dibantu dari segi kewangan dan diberikan kebebasan di atas harta pusaka yang selalunya berupa tanah kampung.²² Kebebasan tersebut dipanggil 'hak pakai' atau *life-occupancy* dan selalunya diberikan jika lelaki itu miskin atau telah bercerai. Perempuan sebagai tumpuk atau pusat keluarga mempunyai tanggungjawab membela

17 Lihat Abdullah Siddik (*op.cit.*, hlm. 129—143) dan Mohd. Din bin Ali (*op.cit.*, hlm. 25—27).

18 Abdullah Siddik, *op.cit.*, hlm. 146.

19 Temuramah, Dato' Undang Luak Jebebu.

20 E.N. Taylor, "The Customary Law of Rembau", dalam *Journal of Royal Asiatic Society Malayan Branch*, Vol. VII, Singapore, 1929, hlm. 9.

21 Dr. Nordin Selat, *op.cit.*, hlm. 115.

22 'Tanah Kampung' mengandungi rumah serta sedikit kawasan untuk halaman dan berkebun di sekitarnya.

nasib saudara-saudara lelaki mereka walaupun mereka telah mempunyai keluarga sendiri. Ini juga sedikit sebanyak dianggap sebagai konflik nilai antara adat dan Islam kerana kedudukan suami di dalam sistem Adat Perpatih tertakluk kepada tempat di mana ia 'menyemenda'.²³ Perbilangan adat menyebutkan:²⁴

terbit pusaka kepada saka
si laki-laki menyandang pusaka
si perempuan yang punya pusaka
orang semenda yang membela

Peranan perempuan sebagai pemegang amanah atau *trusteeship* sahaja menghendaki beliau menunaikan tanggungjawab yang berat terhadap saudara maranya.²⁵

Indeed, the customary implication is that it is the duty of whoever inherits the customary entails to provide for the siblings of the family to whom the property belonged.

Oleh kerana harta pusaka merupakan harta terbesar orang Melayu dan menjadi tumpuan keluarga, kadangkala terdapat para suami yang merasakan kuasa mereka sebagai ketua rumahtangga tercabar. Ini terutama apabila tindak tanduk beliau sentiasa diawasi oleh pihak isteri dan beliau tidak boleh membuat keputusan sesuka hati di dalam soal-soal rumahtangganya sendiri.²⁶ Malah terdapat suami yang merasa 'menumpang' di dalam rumahtangga sendiri.²⁷ Ini mungkin disebabkan sistem *matrilocal* yang memaksakan mereka tinggal bersama di kalangan kelompok isterinya, khususnya di rumah pusaka.

Kategori harta yang kedua mempunyai sistem yang lebih demokratik dan lebih fleksibel. Harta pembawa, yang merujuk kepada harta bawaan lelaki semasa bujang ke dalam perkahwinannya, akan dipulangkan kepada pihak suku lelaki tersebut jika berlaku perceraian hidup atau mati. Harta dapatan, iaitu harta perempuan semasa gadis terkumpul sebelum perkahwinannya, dipulangkan kepada wanita tersebut atau sukunya jika berlaku perceraian hidup atau mati. Sementara harta carian, iaitu harta terkumpul semasa perkahwinan tersebut, akan dibahagikan sama rata jika terjadi perceraian semasa hidup. Sebaliknya jika lelaki atau perempuan meninggal dunia harta menjadi hak yang hidup. Pendek kata pembahagian harta kategori kedua ini adalah.²⁸

Pembawa kembali
dapatan tinggal
carian bagi
mati laki tinggal ke bini
mati bini tinggal ke laki

23 'Menyemenda' ialah keadaan di mana seseorang lelaki itu tinggal di dalam lingkungan keluarga pihak isterinya.

24 Dr. Nordin Selat, *op.cit.*, hlm. 113.

25 Haji Mohd. Din bin Ali, *op.cit.*, hlm. 28.

26 Temuramah, Encik Idrus bin Abdul Ghani, Kampung Kampai, pada 22 Okt. 1983.

27 Ibid.

28 Dr. Nordin Selat, *op.cit.*, hlm. 118.

Jika perkahwinan itu menghasilkan anak-anak harta carian akan terbahagi kepada mereka mengikut timbangrasa si bapa atau si ibu. Namun ini hanya benar dari segi teorinya sahaja kerana adik-beradik lelaki dari segi kebiasaannya akan membenarkan adik-beradik perempuan memiliki harta tersebut.²⁹ Inilah fenomena yang sering berlaku di kalangan masyarakat tradisi Adat Perpatih. Saudara wanita itu diutamakan walaupun si lelaki sangat memerlukan harta tersebut. Keadaan ini juga boleh dikaitkan dengan tradisi 'merantau' yang menuntut kaum lelaki mencari harta dari tempat lain di luar daerah kelahirannya. Orang lelaki merasa malu jika 'mengambil' harta saudara-saudara perempuannya.

Seperkara yang menjadi perhatian di dalam pembahagian harta ini juga ialah kedudukan kedim atau golongan yang diakui saudara oleh sesuatu keluarga itu. Jika si mati tidak meninggalkan zuriat, ahli keluarga kedim boleh mewarisi harta tersebut walaupun mereka ini tidak mempunyai pertalian darah dengan si mati. Mereka boleh merupakan saudara yang jauh atau orang luar yang diakui menjadi saudara mengikut adat istiadat tradisi. Walau bagaimanapun fenomena ini tidak popular di kalangan masyarakat Melayu tradisi di Jelebu, malah terdapat penduduk tempatan yang menafikan kejadian ini.³⁰

Agama Islam melarang pengambilan anak angkat apalagi mewariskan mereka dengan harta pesaka.³¹ Malah Islam melarang memberi 'bin'³² kepada anak yang diambil dari zuriat orang lain.³³ Dr. Lokman Yusof menulis tentang kedim ini sebagai:³⁴

.... a survival of pagan practice.
It is anathema to Islam.

Agama Islam telah menggariskan, pembahagian harta pusaka mengikut *hukum faraid* sebagaimana tercatat di dalam Al-Quran. Islam tidak membezakan antara jenis-jenis harta sebaliknya memberikan klasifikasi yang sama, iaitu harta sebagai harta benda yang perlu dibahagikan mengikut nisbah-nisbah tertentu antara lelaki dan perempuan. Bahagian pusaka seorang lelaki adalah dua kali ganda bahagian seorang perempuan pada taraf yang sama. Sebelum harta dibahagikan harta si mati tersebut hendaklah digunakan terlebih dahulu untuk urusan jenazah, membayar hutang piutangnya dan kemudian diasingkan $\frac{1}{3}$ dari baki itu untuk wasiat.³⁵ Agama Islam memberikan keharusan bagi seseorang yang berakal dan baligh³⁶ untuk membuat wasiat sama ada secara lisan atau bertulis malah boleh dengan hanya memberi isyarat.³⁷ Adat sebaliknya menegaskan harta pusaka sebagai

29 M.G. Peletz, *Social History and Evolution in the Interrelationship of Adat and Islam in Rembau, Negeri Sembilan*, ISEAS, Singapore, 198: hlm. 36.

30 Temuramah, Selamah binti Othman, Kampung Kampai, pada 25 Okt. 1983.

31 Othman Ishak, *op.cit.*, hlm. 81.

32 'Bin' (bagi lelaki, atau 'binti' bagi perempuan) bermakna 'anak kepada'.

33 Temuramah, Hj. Othman bin Hj. Mat Adin.

34 Lokman Yusof, *op.cit.*, hlm. 9.

35 Othman Ishak, *op.cit.*, hlm. 63.

36 'Baligh' adalah peringkat umur dewasa menurut Islam. Ia berbeza antara lelaki dan perempuan.

37 Othman Ishak, *ibid.*, hlm. 96.

hak unit suku dan bukan hak individu³⁸ dan oleh itu tidak boleh diwasiatkan. Ada empat perkara berhubung dengan warisan harta pusaka menurut Islam. Pertama keluarga, kedua pekahwinan, ketiga pembebasan hamba dan akhirnya sama di dalam Islam.³⁹ Islam lebih mengutamakan ibu dan bapa dari isteri dan lebih mengutamakan anak lelaki dari anak perempuan. Sebagai contoh diperturunkan petikan di bawah:⁴⁰

Dalam hal bila seorang mati meninggalkan waris-waris lelaki dan perempuan, hanya isteri atau suami, ibu, bapa, anak lelaki dan anak perempuan sahaja yang berhak mewarisi pusaka. Bahagian-bahagian adalah dua puluh empat, atau tujuh puluh dua menurut nisab, isteri mendapat 1/8 iaitu sembilan bahagian, ibu 1/6 iaitu dua belas bahagian, dan anak lelaki dan perempuan pula mendapat semua yang baki mengikut peraturan-peraturan dua kali ganda bahagian, iaitu anak lelaki mendapat dua puluh enam bahagian dan anak perempuan mendapat tiga belas bahagian.

Sementara jika yang mati itu seorang perempuan dan meninggalkan suami, pembahagian harta menjadi seperti berikut:⁴¹

Jumlah bahagian semua ialah tiga puluh enam bahagian, suami mendapat 1/4 iaitu sembilan bahagian, bahagian ibu 1/6, bapa 1/6 atau enam bahagian, anak lelaki dan perempuan bersekutu atas yang baki di mana anak lelaki mendapat sepuluh bahagian dan anak perempuan lima bahagian.

Pembahagian ini berubah-ubah nisbah bahagiannya mengikut keadaan waris-waris yang ada. Jelasnya di sini terdapat perbezaan dari segi pembahagian harta mengikut hukum adat dan Islam. Adat Perpatih menegaskan tentang kedudukan wanita di dalam soal hak harta pusaka walaupun berkemungkinan mereka bukan lagi merupakan waris yang sah di sisi agama Islam:⁴²

Under strict customary law a male cannot acquire any proprietary interest in *harta pesaka* except the interest of beneficial life occupancy in the event of failure of direct customary heirs, but the reversionary interests remain in the nearest female relatives.

Sehingga ke awal abad ke-20, sistem perwarisan dan pembahagian harta di Jelebu tertakluk kepada sistem tradisi Adat Perpatih. Fenomena yang sama berlaku di Negeri Sembilan akibat ketiadaan undang-undang bertulis dari kerajaan penjajah. Hanya apabila *Customary Tenure Enactment 1909* diistiharkan dan mula dikuatkuasakan terdapat cabaran terbuka terhadap konsep harta Adat Perpatih. Sementara Tanah Adat diberi kategori khusus sebagai *Customary land* dan titurunkan mengikut sistem Adat Perpatih, *Non-customary land* mempunyai kebebasan untuk dibahagikan mengikut hukum Islam.⁴³ Perkembangan ini membawa kepada dua arah yang bertentangan. Walaupun ia menampakkan satu perkembangan yang positif kerana hukum harta adalah mengikut hukum Islam tetapi ia juga membawa perpecahan kepada hukum adat itu sendiri.⁴⁴

38 Ibid., hlm. 97.

39 Ibid., hlm. 63.

40 Ibid., hlm. 64.

41 Ibid., hlm. 65.

42 Lokman Yusof, "As seen in Land Inheritance" *Intisari*, Vol. 1, No. 4, 1963: hlm. 14.

43 Temuramah, En. Hussin Hj. Harun.

44 Lokman Yusof, *op.cit.*, hlm. 14.

There is no doubt that land registration give the registered proprietor a greater sense of security regarding land tenure and a greater incentive to practice good husbandry; but at the same it tends to weaken the very basis on which the Adat rests, and may at the end lead to the disintegration of the Adat.

Walaupun harta yang boleh dibahagikan hukum faraid adalah harta carian sahaja, perkembangan ini menandakan titik tolak yang penting terhadap perubahan masyarakat Melayu Jelevu. Pada peringkat awalnya perkembangan ini terpulang kepada budi bicara masing-masing, sama ada mereka mahu mengikut hukum faraid ataupun tidak. Tentang soal ini Abdul Kahar Bador menulis:⁴⁵

In respect of such 'acquired property' sons and daughters are not only equal heirs as per 'custom' theory of inheritance, but it is also not subject to the restrictions of the Adat Code as in the Enactment. Thus, the religious laws (faraid) of inheritance may, in theory, be applied....

Pengenalan sistem pendaftaran tanah ini telah mengubah konsep harta yang *right* pada asalnya. Prinsip kedua harta pusaka sebagaimana digariskan oleh E.N. Taylor sudah menjadi tidak benar lagi. Sebagai contoh tanah yang diwarisi oleh seseorang dari bapanya tidak lagi didaftarkan sebagai Tanah Pusaka kerana bapa tersebut tidak mendaftarkan tanah tersebut sebagai Tanah Pusaka. Proses ini membuatkan jumlah keluasan Tanah Adat di Jelevu pada hari ini sangat kecil berbanding dengan jumlah keluasan tanah orang Melayu Melayu yang lain.⁴⁶

Islam dan adat dikatakan berkontradiksi juga di dalam soal perkahwinan. Sama ada benar atau tidak kita harus menilai kedua-dua hukum ini sedalam-dalamnya sebelum membuat penilaian. Di dalam agama Islam Al-Quran menegaskan beberapa larangan perkahwinan di dalam surah an-Nisaa' ayat 23:⁴⁷

Diharamkan ke atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudaramu yang perempuan sepesusuan; ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri; tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan) maka tidak berdosa kamu mengahwininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; sesungguhnya Allah Maha Pengampun Lagi Maha Penyayang.

Sementara Al-Quran menegaskan demikian, Adat Perpatih pergi lebih jauh lagi dari itu dengan menegaskan pula perkahwinan eksogami. Kepada masyarakat tradisi perkahwinan eksogami akan mengekalkan hubungan sesuku sebagai hubungan persaudaraan dan mengeratkan pula hubungan antara suku-suku yang berlainan.⁴⁸ Dipercayai mereka yang sesuku adalah berasal dari nenek moyang yang sama. Namun begitu secara evolusi larangan berkahwin sesuku menjadi konsep yang agak longgar. Larangan keras adalah

45 Abdul Kahar Bador, 'Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan Malays', Unpublished M.A. Thesis, London of Economics, University of London, 1963, hlm. 174—175.

46 Temuramah, En. Yusof Saman, Kuala Klawang, 23 Jan. 84.

47 Al-Quran, Surah An-Nisan', ayat 23.

48 Dr. Nordin Selat, *op.cit.*, hlm. 120.

perkahwinan antara *matrilateral parallel-cousins* sahaja iaitu perkahwinan dengan anak perempuan kepada adik beradik perempuan emaknya.⁴⁹

Oleh kerana Adat Perpatih itu bersifat matrilineal maka perkahwinan itu dikatakan dari 'perut' yang sama iaitu keturunan yang sama. Walaupun di negeri-negeri lain di luar Negeri Sembilan perkara ini satu perkara yang lumrah, di kalangan masyarakat Adat Perpatih perkara ini adalah 'adat' yang sangat memalukan, malah dianggap derhaka terhadap Ketua-Ketua Adat. Ia disamakan dengan *crime* yang hukumannya pada zaman dahulu adalah bunuh, atau bercerai semula. Hukuman itu lama kelamaan menjadi agak longgar dan pasangan tersebut hanya diperintahkan keluar dari daerah sahaja. Mereka dianggap 'membuat cemar' dan tidak boleh menjejaskan kaki lagi ke daerah tumpah darah mereka. Malah di tempat baru, mereka terpaksa menghadapi pemulauan masyarakat di situ pula.

Keadaan yang menyulitkan ini membuatkan peristiwa 'kahwin seperut' ini jarang berlaku. Di daerah Jelevu, di zaman pemerintahan Dato' Undang Abdullah (1902—1945) berlaku satu sahaja kes perkahwinan sepupu bentuk ini dan Undang telah memerintahkan mereka keluar:

He drove the couple out, reportedly saying that since the marriage was permitted by religion he would not allow them to divorce, but since it was not allowed by adat they must leave the society.⁵⁰

Pasangan tersebut tidak mendapat anak walaupun mereka hidup mewah. Peristiwa itu menguatkan anggapan bahawa perkara itu telah membawa akibat buruk kepada pasangan tersebut.

Terdapat beberapa kekeliruan di dalam pandangan masyarakat terhadap larangan kahwin sesuku itu. Ada pihak yang menganggap suku itu terdiri dari satu kumpulan besar keluarga sahaja dan oleh itu diadakan larangan berkahwin mengikut sistem nisab ibu. Sebenarnya pandangan ini tidak tepat. Di daerah Jelevu dan Rembau⁵¹ sekurang-kurangnya, larangan kahwin sesuku itu sebenarnya memerlukan penerangan lebih mendalam. Tiap-tiap suku sebenarnya terdiri dari perut-perut iaitu keluarga yang sesuku dan dipercayai boleh menyusur-galurkan keturunan mereka sebelah perempuan. Sebagai contoh suku Mungkal di Jelevu terdiri dari tiga perut iaitu perut Bukit Piatu, perut Danau Selamat dan perut Kampung Bukit. Perkahwinan antara perut-perut ini adalah 'dihalalkan' tetapi perkahwinan di dalam perut itu sendiri 'diharamkan' menurut Adat Perpatih.⁵² Pihak adat menegaskan walaupun bentuk perkahwinan seperut itu dihalalkan mengikut hukum agama Islam, larangan yang diwujudkan adat tidak bercanggahan dengan nilai Islam.⁵³ Islam menggalakkan perkahwinan di luar kelompok keluarga sendiri, kepada perkahwinan di luar keluarga *nata* (asal). Tetapi adat mengadakan peraturan yang lebih ketat lagi dengan mewujudkan larangan

49 Lihat Azizah bt. Kassim, *Kedudukan Wanita di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1969.

50 M.G. Swift, *op.cit.*, hlm. 100.

51 Untuk perbincangan tentang daerah Rembau rujuk kepada Dr. Nordin Selat, *op.cit.*

52 Temuramah, Dato' Undang Luak Jelevu.

53 Temuramah, To' Puan Manoriah bt. Haji Badawi, Balai Undang Luak Jelevu, 23 Jan. 1984.

berkahwin dengan *parallel-cousins* walaupun dari segi Islam mereka adalah bukan muhrim dan oleh itu dihalalkan berkahwin.

Walaupun telah timbul berbagai persoalan tentang larangan tersebut, terutama sejak hukum agama Islam mula didalami oleh penduduk Melayu daerah Jelebu, peristiwa yang boleh menimbulkan pertentangan ini jarang terjadi. Tambahan pula perubahan masyarakat tradisi kepada masyarakat moden yang menghasilkan masyarakat yang lebih terbuka dan interaksi yang lebih meluas menyebabkan pertemuan kedua-dua nilai yang berkontradiksi itu semakin jarang berlaku. Secara tidak langsung, ini menyebabkan kontradiksi itu tidak begitu dirasakan lagi terutamanya oleh generasi muda yang mempunyai pergaulan dan pengalaman yang luas di luar lingkungan masyarakat Adat Perpatih.